



SIARAN MEDIA

'MPS BERSIH BARANGAN TINGGALAN PENJAJA HARAM DI TEPI PASAR BORONG SELAYANG'

1. Pihak MPS pada hari ini telah menjalankan operasi bersepadu pembersihan dan sitaan ke atas barangan perniagaan yang telah ditinggalkan oleh penjaja haram warga asing di tepi pasar borong Selayang. Operasi ini merupakan operasi kali ke-4 yang dijalankan MPS di mana sebelum ini beberapa peniaga telah dikenakan kompaun dan sitaan atas kesalahan menjalankan aktiviti perniagaan tanpa permit.
2. Operasi yang bermula pada jam 9 pagi ini melibatkan seramai 90 orang anggota dari MPS yang diketuai oleh Dato' Dr. Juhari Bin Ahmad, Timbalan Yang Dipertua MPS, anggota dari Ibu Pejabat Polis Daerah Gombak dan wakil dari DBKL. Sebanyak 9 buah jentera turut digunakan dalam operasi tersebut di mana sitaan yang dibuat melibatkan hampir 92 inventori pelbagai barangan.
3. Timbalan YDP MPS dalam kenyataan beliau berkata, rentetan arahan PKP yang dikeluarkan oleh kerajaan, kebanyakan penjaja haram warga asing telah meninggalkan barangan perniagaan mereka sehingga menyebabkan kawasan tersebut kotor dan menimbulkan kacau ganggu. MPS telah mengambil peluang untuk membuat sitaan dan pembersihan secara menyeluruh di kawasan tersebut pada hari ini dan akan meletakkan penghadang batu konkrit untuk memastikan tiada lagi penjaja haram di kawasan tersebut terutama selepas tamat tempoh PKP.
4. MPS akhir sekali ingin memberi amaran terutama kepada penjaja haram agar tidak lagi menjalankan perniagaan di kawasan tersebut. MPS akan konsisten menjalankan operasi bersepadu melibatkan semua agensi kerajaan berkaitan untuk membendung kegiatan perniagaan tanpa kebenaran di kawasan tersebut terutama yang melibatkan warga asing.
5. Untuk sebarang pertanyaan ataupun aduan, orang ramai boleh menghubungi talian Bilik Gerakan Khas MPS yang akan beroperasi pada Isnin hingga Jumaat, Jam 8 pagi hingga 5 petang di hotline 03-61389898 atau talian bebas tol di 1800-222-677. Orang ramai juga boleh merujuk laman sosial MPS untuk sebarang pengumuman terkini berkaitan MPS.

Dikeluarkan Oleh:

MOHAMAD ZIN MASOAD
PENGARAH
JABATAN KORPORAT

2.30 PM
8 Mac 2020